KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# KENYATAAN AKHBAR
# KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
## 20 JANUARI 2022

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 20 Januari 2022 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh: **3,254 kes** (2,747,457 kes kumulatif, 97.4%)
- Kes baharu : **3,764 kes** (2,820,927 kes kumulatif);
- Kes import : **522 kes** (426 warganegara; 96 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **3,242 kes** [3,089 warganegara (95.3%); 153 bukan warganegara (4.7%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **160 kes** (125 kes disahkan COVID-19; 35 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **72 kes** (55 kes disahkan COVID-19; 17 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **6,272 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **17 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **6,058 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **214 kluster.**

Daripada **3,764 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **47 kes (1.2 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **3,717 kes (98.8 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 1** yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di https://covidnow.moh.gov.my. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

**Jadual 1:** Nilai $R_t$ Mengikut Negeri Berdasarkan Kes Yang Dilaporkan Pada 19 Januari 2022

| NEGERI | NILAI $R_T$ |
|---|---|
| WP KUALA LUMPUR | 1.09 |
| NEGERI SEMBILAN | 1.04 |
| JOHOR | 1.04 |
| KEDAH | 1.04 |
| MELAKA | 1.03 |
| SABAH | 1.00 |
| SELANGOR | 1.00 |
| PAHANG | 0.98 |
| PERAK | 0.96 |
| WP PUTRAJAYA | 0.96 |
| PULAU PINANG | 0.94 |
| KELANTAN | 0.92 |
| SARAWAK | 0.82 |
| TERENGGANU | 0.78 |
| PERLIS | 0.00 |
| WP LABUAN | 0.00 |
| **MALAYSIA** | **1.00** |

# **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S**: (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W**: (Amalkan *Wash, Wear, and Warn*);
- Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and*, *Seek)* sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala; dan
- **Dapatkan vaksin COVID-19** bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius dan bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok.

Dengan pengambilan vaksin dan dos penggalak, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

20 Januari 2022 @ 6:30 petang